

# BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

"Rumah Ku, Syurga Ku"



BIL: 4/2001

\*ISSN 0128-5912\*

NASKAH PERCUMA

\* JULAI-OGOS 2001



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff merasmikan Hari Terbuka Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur (KLSD)



Ketibaan Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff disambut oleh AJK Eksekutif KLSD

Wan Abdullah Ghani

## TIDAK ABAIKAN KEBAJIKAN GOLONGAN KURANG PENDENGARAN

DBKL sentiasa memberi sokongan kepada persatuan yang sah dalam menjalankan apa jua aktiviti kemasyarakatan yang boleh membantu melahirkan masyarakat penyayang di Kuala Lumpur. Ini termasuklah sokongan yang telah diberikan kepada Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur, DBKL membenarkan persatuan menggunakan 3 unit premis DBKL di Kompleks Perniagaan Sri Selangor secara percuma untuk dijadikan sebagai pusat aktiviti persatuan.

Tahun 2001, DBKL memerlukan satu unit lagi kepada persatuan sebagai tambahan kepada premis yang sedia ada bagi menampung keperluan dan pertambahan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak persatuan.

DBKL memberi sumbangan berjumlah RM 10,000 kepada Kontijen Orang Pekak Kuala Lumpur untuk menyertai Sukan Kebangsaan Orang Pekak (SKOP) Ke-13 di Kota Bharu, Kelantan baru-baru ini. Dalam kejohanan itu, dari 13 negeri yang menyertai sukan dwi-tahunan tersebut, kontijen Kuala Lumpur telah berjaya menjadi juara keseluruhan dengan membawa pulang 10 pingat emas, 6 pingat perak dan 3 pingat gangsa.

Malah pasukan bola sepak Kuala Lumpur juga telah menunjukkan permainan yang cemerlang dan berjaya menjadi juara dalam kejohanan tersebut. Syabas diucapkan dan kepada wira-wira yang telah dapat menaikkan nama Kuala Lumpur dalam bidang sukan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff berkata demikian dalam ucapannya ketika merasmikan Hari Terbuka Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur (KLSD) di Kompleks Perniagaan Sri Selangor baru-baru ini.

Beliau memberitahu, banyak pihak prihatin dan berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh persatuan selama ini terutamanya dalam membantu meningkatkan taraf hidup golongan kurang pendengaran di Kuala Lumpur. Dengan

itu, pemimpin persatuan diharap akan bekerja lebih giat dan masa-masa akan datang bagi merasmiakan persatuan ini akan terus menjalin pelincir kepada golongan orang kurang pendengaran dan seterusnya membantu mereka untuk bersama-sama mencapai kehidupan yang selesa dan sempurna di Kuala Lumpur.

“Sebagai ibu negara, bandar raya Kuala Lumpur telah menjadi tumpuan dan tarikan bukan sahaja kepada penduduk-penduduk dari luar bandar malah kepada golongan orang kurang pendengaran untuk berhijrah dan mencari kehidupan yang lebih berkualiti dan selesa. Kuala Lumpur merupakan pusat utama kepada perdagangan dan perniagaan negara yang banyak menawarkan peluang-peluang pekerjaan dan lain-lain keperluan masyarakat,” ujar Datuk Bandar.

“Kita akui bahawa orang kurang pendengaran kini merupakan sebahagian warga kota yang dipercayai sama-sama memainkan peranan penting dalam memaju dan membangunkan bandar raya Kuala Lumpur yang kita cintai ini. Golongan orang kurang pendengaran ini juga seperti masyarakat yang lain perlu dibantu agar mereka juga dapat hidup dengan sempurna dan selesa di bandar raya ini,” ujar Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Datuk Bandar berharap semua golongan masyarakat di Kuala Lumpur ini termasuk golongan kurang pendengaran dapat hidup dengan penuh selesa. Justeru itu, dengan mengambil kira bahawa orang kurang pendengaran ini menghadapi masalah yang kita tidak nampak, maka menjadi satu tanggungjawab kepada kita untuk mendekati mereka.

“Saya percaya, dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan yang sesuai kepada golongan kurang pendengaran ini, sudah pasti ia akan membantu golongan ini untuk hidup dengan lebih sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh golongan masyarakat yang lain,” kata Datuk Bandar.

“Kita sepatutnya berbangga dengan usaha yang diambil oleh Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur mengadakan Hari Terbuka Persatuan bagi tahun 2001. Langkah yang diambil oleh persatuan ini merupakan satu usaha yang harus diberi pujian kerana ia bukan sahaja memberi peluang kepada orang ramai mengenali Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur secara lebih dekat malah Hari Terbuka ini juga akan mewujudkan kemesraan antara orang kurang pendengaran dan masyarakat sekitar dalam pergaulan sehari-hari.

Beliau berharap masyarakat dapat memahami budaya hidup serta tradisi masyarakat orang kurang pendengaran ini. Di samping itu, ia juga akan membolehkan masyarakat yang normal belajar untuk berkomunikasi dengan mereka.



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff bergambar kenangan dengan atlit orang kurang pendengaran yang muncul sebagai johan dalam Sukan Kebangsaan Orang Pekak (SKDP) ke 13 di Kota Bharu



**TUAN HAJI SALLEH YUSUP**  
Pengarah  
Jabatan Pengurusan Perumahan

**S**alam Sejahtera Kepada Semua,

Berbagai-bagi program yang telah dijalankan di Kawasan Perumahan Awam DBKL selama ini seolah-olah tidak mendapat tindak balas yang positif dan baik daripada sesetengah penduduk rumah kita. Tidak banyak perubahan yang dapat dilihat dari segi membentuk sikap sayangkan tempat tinggal.

Tahap kebersihan tidak banyak berubah, seolah penduduk meletakkan semua tugas menjaga kebersihan dan keindahan ke atas bahu DBKL sahaja. Pembuangan sampah merata dan mencampakkan sampah dari tingkat atas masih kerap berlaku. Tempat pembuangan sampah telah disalah guna yang dijadikan tempat simpan barang lama. Larangan supaya tidak meletak kenderaan di hadapan rumah sampah tidak dihiraukan.

Dalam masa yang sama vandalisme harta awam, kerosakan dan kecurian kemudahan gunasama masih tinggi. Kelengkapan seperti lif, alat pencegahan kebakaran, alat-alat permainan dan lampu hiasan dirosakkan dan kehilangan alat bantu masih berlaku secara berleluasa. Dinding yang baru dicatkan telah dicontengkan dengan perkataan yang menjijikkan.

Alat pencegahan yang telah dibaiki telah dirosakkan atau dicuri tanpa mempunyai kesedaran, apabila berlaku kebakaran mereka akan terjerat dengan keadaan yang melibatkan nyawa dan harta benda mereka sendiri.

Alat kawalan lif dirosakkan dengan sewenang-wenangnya tanpa menyedari itu satu-satu kemudahan mereka untuk turun naik dengan cepat dan selamat. Alat kemera yang dipasangkan di dalam lif telah dirosakkan sewenang-wenangnya atau dicuri tanpa segan silu dan mempunyai rasa bersalah.

Semuanya yang disebutkan tadi melibatkan perbelanjaan yang tinggi untuk mengantinya atau membaikinya. Kerja pengantian dan membaiki akan memakan masa dan ini akan menambahkan kesulitan kepada penghuni lain. Adalah lebih baik

## **KEBERSIHAN DAN KESELESAAN RUMAH KITA SASARAN BERSAMA**

wang yang banyak dibelanjakan untuk kerja ini digunakan kepada aktiviti yang lebih berfaedah dan berguna seperti program sosial dan kemasyarakatan atau menggunakan wang untuk menceriakan kawasan rumah kita seperti tambahan pembinaan lanskap, tempat duduk, gelanggang permainan, tambahan lampu hiasan dan sebagainya.

Keadaan yang disebutkan tadi sangat merisaukan dan membimbangkan pihak pengurusan perumahan dan DBKL. Kebimbangan pihak pentadbiran ini bertambah apabila mengenangkan tujuan kerajaan menyediakan perumahan awam yang selesa, bersih dan berkualiti kepada golongan yang berpendapatan rendah tidak mencapai matlamatnya.

Tujuan murni kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Bertaraf Dunia akan terjejas sekira adanya segolongan warga kota yang bertindak tidak selari dengan matlamat tersebut.

Oleh itu pihak pentadbiran memerlukan tidak ada cara lain untuk menjadikan rumah kita mencapai tahap kebersihan dan persekitaraan yang berkualiti melainkan dengan menguatkuasaan Undang-Undang Kecil Perumahan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2000. Undang-Undang Kecil ini memberi kuasa kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur mengambil tindakan pengalauksaana ke atas seseorang penyewa yang terus melakukan kesalahan dan melanggar mana-mana peruntukan yang berkaitan. Pihak pentadbiran berpendapat program kesedaran dan pembangunan sosial yang tefah lama dilaksanakan perlu diperkuatkuahkan dengan penguatkuasaan undang-undang yang boleh membentuk sikap sayangkan rumah kita.

Apabila DBKL menguatkuasakan undang-undang tersebut, ketua penyewa atau keluarga mereka tidak seharusnya merungut dan marah-marah apabila mereka membuat kesalahan didakwa dan didenda dengan hukuman yang lebih berat iaitu didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pengajaran kepada segelintir penyewa yang membuat kesalahan ini diharap akan memberi kebaikan menyeluruh kepada penduduk yang menginginkan kehidupan yang selesa dan selamat.

Walau bagaimanapun tindakan yang akan dijalankan tidak akan dilakukan sewenang-wenangnya tetapi ia mengikut tatacara yang dibenarkan. Di samping itu sekiranya semua penduduk memberi kerjasama membantu membentras kegiatan salah guna rumah yang diduduki atau kerosakkan dan musnahlaku kemudahan awam di kawasan guna sama dengan melaporkan segera kegiatan

pengacau yang disebutkan tadi maka pelaksanaan peraturan dalam undang-undang akan berjalan dengan lancar.

Apa yang diharapkan dari semua penduduk adalah sama-sama kita menjaga kebersihan dan keselamatan kawasan tempat kita berlindung dari hujan panas dan tempat untuk anak-anak kita membesar. Sikap positif untuk menjaga kebersihan kawasan rumah kita adalah tanggungjawab kita bersama. Berikan kesedaran kepada anak-anak kita untuk mematuhi peraturan dan menghormati undang-undang yang dibuat untuk kebaikan ramai dan menjaga kesejahteraan jiran tetangga dan orang awam.

Sekian.

### **BERITA RUMAH KITA**

**Penasihat**  
Haji Salleh bin Yusup

**Ketua Editor**  
Ramly bin Othman

**Editor**  
Zainuddin bin Md. Zain

**Sub Editor**  
Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

**Wartawan**  
Ab Wahab bin Omar

**Jurufoto**  
Dolmat Md. Som  
Ab Wahab bin Omar

**Pembaca Pruf**  
Azman Hazizi bin Hassanuddin

**Pengedaran**  
Mohd Rushdan bin Mohd Ishak  
Tulisan yang tersiar dalam majalah  
**BERITA RUMAH KITA**  
tidak semestinya menggambarkan fikiran  
Jabatan Pengurusan Perumahan  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Alamatkan surat menyurat kepada:

**Editor**  
BERITA RUMAH KITA  
Jabatan Pengurusan Perumahan  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,  
No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
Peti Surat 11022,  
50100 Kuala Lumpur  
atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI  
No. Tel. 03-26938166 samb. 282

### **Nombor Telefon DBKL**

Ibu Pejabat DBKL	- 26916011
Aduan Awam DBKL	- 26934531
Hot Line (24 jam)	- 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan	- 26938166
Perumahan	samb. 125/126
Pej. Zon 1	- 91734513
Pej. Zon 2	- 92215505
Pej. Zon 3	- 40420340
Pej. Zon 4	- 61899563

**Dicetak oleh:**  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Kuala Lumpur

# UNDANG-UNDANG KECIL PERUMAHAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

## Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Perumahan Awam ( Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2000.

(2) Undang-Undang Kecil ini terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Dato Bandar” ertinya Dato’ Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Akta 190).

“harta Dato’ Bandar” ertinya mana-mana tanah atau bahagian tanah dalam kawasan perumahan awam, termasuk mana-mana unit rumah, lengkapan dan kelengkapan dalam kawasan guna sama termasuk lif, saluran sampah, longkang, saluran najis, wayar, kabel, konduit dan segala kemudahan dan lengkapan yang digunakan atau yang boleh digunakan atau dinikmati oleh penyewa.

“Kawasan guna sama” ertinya kawasan di luar unit yang didiami oleh penyewa dalam kawasan perumahan awam.

“penuh sesak” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam seksyen 79 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

“penyewa” ertinya penyewa sesuatu unit perumahan awam dan termasuklah suami isteri, anak, ibu bapa, orang gaji, dan tetamunya:

“perumahan awam” ertinya sesuatu bangunan yang didirikan Dato’ Bandar untuk disewa kepada orang awam:

“unit ertinya mana-mana rumah pada mana-mana tingkat dalam perumahan awam.

## Kesalahan-kesalahan

3. Seseorang penyewa tidak boleh—

(1) Mengubahsuaikan atau menyebabkan diubahsuaikan, tambah atau menyebabkan ditambah mana-mana unit tanpa kebenaran Dato’ Bandar:

(2) Menyalahgunakan atau menyebabkan apa-apa kerosakan atau kemusnahan kepada harta Dato’ Bandar, samada alih atau tak alih.

(3) Meletakkan atau menyebabkan diletakkan apa-apa kenderaan di mana-mana tempat yang bukan ditetapkan untuk meletakkan kenderaan.

(4) Melakukan atau membenarkan dilakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan atau boleh menyebabkan apa-apa kacau ganggu dalam unitnya atau dalam kawasan perumahan awam.



Kemudahan pondok telefon dirosakkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab



Meletakkan basikal dikoridor rumah awam DBKL merupakan satu kesalahan

Bersambung ke muka surat 4